ڤجابة ڤڠاره تانه دان ݢالين ترڠݢانو.
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 & 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Telefon: 09-6231957 samb. 2700 – 2706
3100 – 3114
Fax : 09-6229887

# ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU
# BIL. 2/1996

## PENYELARASAN SYARAT NYATA DAN SEKATAN KEPENTINGAN

### 1. TUJUAN:

Arahan ini bertujuan menerangkan penyelarasan pengenaan Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan ke atas tanah milik di dalam Negeri Terengganu. Ia juga bertujuan menyeragamkan penggunaan borang-borang ketika mengemukakan permohonan 'Tukar Syarat' tanah.

### 2. LATARBELAKANG:

2.1 Penyelarasan Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian dan Perhutanan Negeri Terengganu Kali Ke 1/1995 yang telah diadakan pada 27 Ogos 1995 dan keputusannya disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kertas Mesyuarat Bil. 1193/95 pada 25 Oktober 1995.

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pekeliling/Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu telah diadakan beberapa kali bertujuan melihat kembali kesesuaian Pekeliling/Arahan serta borang-borang yang dipakai samada perlu dimansuh atau diubahsuai selaras dengan penggunaan semasa.

### 3. SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER:

3.1 Sebagai persediaan untuk melaksanakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, Pentadbir Tanah Negeri mengambil langkah awal untuk menyediakan proses yang menjurus kepada aktiviti pendaftaran. Ini disebabkan:-

3.1.1 Penggunaan terlalu banyak Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan berbagai jenis akan mengakibatkan:-

a) Sukar untuk membuat pengawalan ke atas pemakaiannya.

b) Proses penyelenggaraannya akan menjadi lebih rumit.

c) Menjejaskan masa pemprosesan, pencarian dan capaian komputer.

3.1.2 Masa penyediaan carian rasmi dan persendirian akan terjejas kerana beban pemprosesan yang akan ditanggong.

3.1.3 Penggunaan ejaan jawi bagi hakmilik di bawah Keterangan Register Mukim (KRM) mungkin tidak dapat disimpan secara tepat di dalam pengkalan data.

3.1.4 Penggunaan secara kod tidak akan bermakna lagi jika terlalu banyak jenis kerana yang membezakannya bukan dari segi isi atau makna tetapi susunan ayat dan tatabahasa.

3.2 Oleh yang demikian, adalah diharap dengan adanya arahan ini penyelarasan syarat-syarat dan sekatan ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.

4. **KUASA DAN PEMEROSESAN PERMOHONAN:**

4.1 **Pemerosesan**

a) Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu dan Pentadbir Tanah diberi kuasa meminda, menukar dan menambah perkataan-perkataan dalam Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan setakat mana ianya tidak menjejaskan maksud asal kegunaan tanah tersebut apabila tuan tanah mengangkat permohonan mengenainya. Pengenaan Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan selain di Lampiran 'A' dan 'B' hendaklah diteruskan sebagaimana kegunaan sekarang.

b) Bagi kes-kes yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang mana belum didaftarkan, Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah diberi kuasa meminda ayat-ayat dalam syarat nyata dan sekatan kepentingan setakat mana ianya tidak menjejaskan maksud sebenar syarat nyata dan sekatan kepentingan tersebut.

c) Permohonan untuk membatal/memansuh terus sekatan kepentingan yang mana mengawal urusniaga tanah adalah di TOLAK.

d) Permohonan untuk meminda Sekatan Kepentingan tidak perlu disertakan dengan pelan dan sijil carian rasmi.

e) Panduan mengenakan kuasa semasa memproses permohonan untuk melanjut tempoh mendirikan bangunan dan kebenaran membuat urusniaga ke atas tanah adalah sebagaimana Lampiran 'C'.

4.2 **Bayaran**

a) Bayaran bagi permohonan di para 4.1 (a) adalah dikecualikan. Permohonan di bawah kategori ini juga tidak perlu disertakan pelan dan sijil carian rasmi.

b) Pengenaan bayaran bagi permohonan 'tukar syarat' tanah adalah seperti berikut:-

   i) Sekali bayaran untuk setiap lot untuk mengubah/ membatal/mengenakan Syarat Nyata dan Jenis Penggunaan Tanah [ Item 65, Peraturan Tanah Terengganu 1966, Peraturan 20 (1) ].

   ii) Sekali bayaran untuk setiap lot untuk mengubah/ mengenakan Sekatan Kepentingan [Peraturan 20 (1) Item 66, peraturan Tanah Terengganu 1966].

c) Lain-lain bayaran adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan Tanah Terengganu 1966.

4.3 **Pemansuhan**

a) Penyelarasan Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan ini membatalkan penyelarasan Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan yang ditetapkan melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 3/1978 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 7/1994.

5. **SYARAT NYATA:**

Pengenaan Syarat Nyata adalah sebagaimana 'Lampiran A' berkembar.

6. **SEKATAN KEPENTINGAN:**

Pengenaan Sekatan Kepentingan adalah sebagaimana 'Lampiran B' berkembar.

7. **BORANG:**

Penggunaan Borang 'Tukar Syarat' adalah sebagaimana 'Lampiran D' berkembar. Penggunaan borang yang sama menerusi Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 6/83 dan 8/83 dibatalkan.

8. **TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diguna pakai dan berkuatkuasa 1 Januari 1996.

Sekian.

**" KUALITI TERAS KEJAYAAN "**

Saya yang menurut perintah,

***( DATO' RAKNA BIJAYA )***
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Edaran kepada:

1. Pentadbir Tanah Besut.
2. Pentadbir Tanah Dungun.
3. Pentadbir Tanah Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Marang.
7. Pentadbir Tanah Setiu.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan.
3. Semua Timbalan/Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.
4. Fail Timbul.

PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (49)

Bertarikh : 03 Januari 1996.
Bersamaan : 12 Syaaban 1416.

***MBM/ha.***
***Arah296. Disk 2A.***

# SENARAI SYARAT NYATA

A: Para 1 dan 2

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 1. *PERTANIAN* | | |
| 1.1 Padi | 103001 | i) Hendaklah ditanam dengan tanaman padi sahaja. |
| 1.2 Buah-buahan | 111001 | i) Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja. |
| 1.3 Kelapa | 105001 | i) Hendaklah ditanam dengan tanaman kelapa sahaja. |
| 1.4 Getah | 101001 | i) Hendaklah ditanam dengan tanaman getah sahaja. |
| 1.5 Kelapa Sawit | 102001 | i) Hendaklah ditanam dengan tanaman kelapa sawit sahaja. |
| 2. *BANGUNAN* | | |
| 2.1 Kediaman | 201001 | i) Hendaklah didirikan sebuah bangunan kediaman sahaja. |
| | | ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh *Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu* hendaklah didirikan sebuah bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| | 201002 | i) Hendaklah didirikan sebuah bangunan kediaman sahaja. |
| | | ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh *Pentadbir Tanah* hendaklah didirikan sebuah bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 2.2 Kedai | 202001 | i) Hendaklah didirikan sebuah bangunan kedai sahaja. |
| | | ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh *Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu* hendaklah didirikan sebuah bangunan kedai mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| | 202002 | i) Hendaklah didirikan sebuah bangunan kedai sahaja. |
| | | ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh *Pentadbir Tanah* hendaklah didirikan sebuah bangunan kedai mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 2. *BANGUNAN* | | |
| 2.3 Pejabat | 209001 | i) Hendaklah didirikan sebuah bangunan pejabat sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh *Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu* hendaklah didirikan sebuah bangunan pejabat mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| | 209002 | i) Hendaklah didirikan sebuah bangunan pejabat sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh *Pentadbir Tanah* hendaklah didirikan sebuah bangunan pejabat mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 2.4 Hotel | 227001 | i) Hendaklah didirikan bangunan hotel dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh *Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu* hendaklah didirikan bangunan hotel dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3. *PERUSAHAAN* | | |
| 3.1 Perusahaan Berat | | |
| 3.1.1 Kilang Penapis Minyak/Aktiviti Hiliran Petrolium dan Gas | 320100 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang penapis minyak/ aktiviti hiliran petrolium dan gas dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang penapis minyak/aktiviti hiliran petrolium dan gas dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.1.2 Kilang Besi Waja/ Moulding & Kiln Drying/Fabrication | 321100 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang besi waja/ moulding & kiln drying/fabrication dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang besi waja/moulding & kiln drying/fabrication dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.1.3 Loji Penyimpan Gas Cecair | 340100 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan loji penyimpan gas cecair dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan loji penyimpan gas cecair dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.1.4 Kilang Kimia | 345100 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kimia dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kimia dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2 <u>Perusahaan Sederhana</u> | | |
| 3.2.1 Kilang | 301200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.2 Rumah Pam | 304200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan rumah pam dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan rumah pam dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.3 Rumah Injin | 305200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan rumah injin dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan rumah injin dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.4 Janaletrik | 306200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan janaletrik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan janaletrik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.2.5 Melombong | 307200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan melombong dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan melombong dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan |
| 3.2.6 Tangki Minyak | 308200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan tangki minyak dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan tangki minyak dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.7 Stesen Suis/Switch Gear | 309200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan stesen suis/switch gear dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan stesen suis/switch gear dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.8 Kuari/Granite | 311200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kuari/granite dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kuari/granite dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.9 Kilang Papan | 312200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang papan dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang papan dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.10 Kilang Membuat Kenderaan Bermotor | 319200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang membuat kenderaan bermotor dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang membuat kenderaan bermotor dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.2.11 Kilang Kelapa Sawit | 322200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kelapa sawit dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kelapa sawit dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.12 Pencawang Elektrik | 323200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan pencawang elektrik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan pencawang elektrik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.13 Sistem Kawalan Katodik | 327200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan sistem kawalan katodik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan sistem kawalan katodik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.14 Kilang Papan Lapis | 328200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilan papan lapis dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang papan lapis dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.15 Mencelup Tayar | 332200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan mencelup tayar dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan mencelup tayar dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.16 Tembaga | 335200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan tembaga dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan tembaga dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.2.17 Elektronik | 336200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan elektronik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan elektronik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan |
| 3.2.18 Kilang Getah | 338200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang getah dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang getah dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.19 Limbungan Kapal | 341200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan limbungan kapal dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan limbungan kapal dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.2.20 Stesen Gelombang Mikro/Multi-radio Subsystem | 347200 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan stesen gelombang mikro/multi-radio subsystem dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan stesen gelombang mikro/multi-radio subsytem dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3 <u>Perusahaan Ringan</u> | | |
| 3.3.1 Bengkel/Workshop | 302300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan bengkel/workshop dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan bengkel/workshop dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.2 Gudang/Stor Barang | 303300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan gudang/stor barang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan gudang/stor barang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.3.3 Kilang Batu-Bata | 310300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang batu-bata dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang batu-bata dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.4 Kilang Perabot | 313300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang perabot dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang perabot dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.5 Kilang Air Batu | 314300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang air batu dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang air batu dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.6 Kilang Butang | 315300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang butang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang butang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.7 Ban Tembakau | 316300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan ban tembakau dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan ban tembakau dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.8 Kilang Mancis | 317300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang mancis dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang mancis dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.3.9 Kilang Pakaian/ Kain | 318300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang pakaian/kain dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang pakaian/kain dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.10 Kilang Padi | 324300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang padi dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang padi dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.11 Kilang Minyak Kelapa | 325300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang minyak kelapa dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang minyak kelapa dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.12 Kilang Ikan Baja/ Salai | 326300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang ikan baja/salai dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang ikan baja/salai dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.13 Kilang Ikan Sadin | 329300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang ikan sadin dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang ikan sadin dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.14 Kilang Air Lamnet | 330300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang air lamnet dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang air lamnet dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.3.15 Barang-barang Konkrit | 331300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan barang-barang konkrit dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan barang-barang konkrit dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan |
| 3.3.16 Kilang Biskut | 333300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang biskut dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang biskut dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.17 Kilang Kukus Kayu | 334300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kukus kayu dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kukus kayu dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.18 Kilang Kacang | 337300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kacang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang kacang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.19 Pelancongan | 339300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan pelancongan dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan pelancongan dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.20 Kilang Plastik | 342300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang plastik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang plastik dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |

| KATEGORI KEGUNAAN | KOD SYARAT | KETERANGAN SYARAT |
|---|---|---|
| 3.3.21 Kilang Pengering Kayu | 344300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang pengering kayu dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang pengering kayu dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.22 Kilang Penyejuk Ikan | 346300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang penyejuk ikan dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang penyejuk ikan dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.3.23 Kilang Arang | 348300 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang arang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan kilang arang dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. |
| 3.4 <u>Lain-lain Perusahaan</u> (contoh: Perusahaan jenis hyper-heavy) | | |
| 3.4.1 Laluan Paip Gas/ Minyak | 343400 | i) Hendaklah digunakan untuk perusahaan laluan paip gas/minyak dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja.<br><br>ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik hendaklah digunakan untuk perusahaan laluan paip gas/minyak dan mendirikan bangunan yang berkaitan dengannya sahaja mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan |
| **4. *'TIADA'/'NIL'/ "RUANG KOSONG'*** | | |
| 4.1 Tanah Milik KPTG | 401001 | i) Tiada sekatan dikenakan selagi dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. |
| 4.2 Tanah Milik Petronas Gas Berhad | 402001 | i) Boleh digunakan untuk saluran petrolium dan kegunaan lain yang berkaitan sahaja. |

B: Para 3 dan seterusnya

Diteruskan amalan/dasar penggunaan syarat nyata sediada.

## SENARAI SEKATAN KEPENTINGAN

A. Para 1

| KUASA MELULUS | KOD SEKATAN | KETERANGAN SEKATAN |
|---|---|---|
| 1. Pihak Berkuasa Negeri | 110001 | Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. |
| 2. Menteri Besar | 210001 | Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Menter Besar. |
| 3. Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu | 310001 | Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu. |
| 4. Pentadbir Tanah | 410001 | Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah. |

B. Para 2

| | KOD SEKATAN | KETERANGAN SEKATAN |
|---|---|---|
| Sekatan-sekatan yang dikenakan dalam keadaan tertentu | 520001 | Sekatan Kepentingan (i) di atas tidak tertakluk kepada pemilik pertama |

C. Para 3

| | KOD SEKATAN | KETERANGAN SEKATAN |
|---|---|---|
| Bagi kegunaan Perusahaan sahaja | 530001 | Tidak boleh dibelah bahagi. |

# PANDUAN MENGENAKAN KUASA SEMASAMEMPROSESPERMOHONAN UNTUK MELANJUT TEMPOH MENDIRIKAN BANGUNAN DAN KEBENARAN MEMBUAT URUSNIAGA KE ATAS TANAH

************************************************************************

1. Kuasa melulus/menolak permohonan untuk lanjutan tempoh mendirikan bangunan:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| a) | Bagi tanah di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftar | - | Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu. |
| b) | Bagi tanah Hakmilik Pejabat Tanah | - | Pentadbir Tanah dimana tanah terletak. |

2. Keizinan membuat urusniaga ke atas tanah atau kepentingannya:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| a) | Bagi tanah di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftar | - | Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu. |
| b) | Bagi tanah Hakmilik Pejabat Tanah | - | Pentadbir Tanah dimana tanah terletak. |
| c) | Bagi semua tanah Jenis Kegunaan Perusahaan | - | Pihak Berkuasa Negeri. |

*MBM/ZHM/ha.*
*MJTGPN1. Disk 2.*

**Lampiran 'D'**
**Borang PTG.TR. 1/1996**

## Permohonan Mengubah Syarat Tanah

Pentadbir Tanah ..............................................

* Saya/*Kami : ..................................................................................................................................................
..................................................................................................................................................................
..................................................................................................................................................................

beralamat tetap : ...........................................................................................................................................
..................................................................................................................................................................
..................................................................................................................................................................
Poskod ....................
No.Telefon : .......................... adalah *tuanpunya/tuanpunya bersama tanah berikut :-
(*Jika ada*)

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. Jenis & No. Hakmilik : | | 2. Bandar\Pekan\Mukim : | |
| 3. No.Lot : | | 4. Keluasan : | |
| 5. Jenis Penggunaan : | | | |

memohon supaya :-

* (i) Jenis Penggunaan Tanah :- diubah kepada/dikenakan dengan

* (ii) SyaratNyata :- dibatal perkataan/dipinda kepada/dikenakan Syarat Nyata baru

* (iii) Sekatan Kepentingan :- dibatalkan iaitu

6. Permohonan ini bertujuan untuk

7. *Saya/*Kami menyertakan :-

- a. Bayaran permohonan RM 20.00 setiap lot
- *b. Pelan tanah 30 salinan/15 salinan
- *c. Perakuan Carian Rasmi
- d. Persetujuan bertulis setiap orang\badan yang berkepentingan berdaftar atau tuntutan faedah tenansi yang dikecualikan pendaftaran.
- e. Satu salinan surat kelulusan UPEN.TR (jika berkaitan).
- f. Cukai tanah semasa dijelaskan sebagaimana resit no. ........................................ bertarikh ........................ .

Saya/kami yang benar,

Tarikh : ....................................

*Potong yang bersesuaian sahaja.
Para 3 (b) & (c) tidak diperlukan semasa kemukakan
Permohonan Pinda Sekatan Kepentingan.

MM/ps
{ubah.doc} - disk 8
Feb.96